

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) tindakan pendakwaan terhadap pengimport-pengimport rokok seludup memandangkan penyeludupan rokok telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian cukai melebihi RM300 juta setahun; dan

(b) nilai rampasan dan kutipan denda daripada pihak yang terlibat.

JAWAPAN

a. Tindakan pendakwaan yang telah diambil terhadap pengimport rokok seludup adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES
--------------	-------------------

2012	329
2013	453
2014	1,024

Daripada jumlah tersebut, tindakan penjara dan denda mahkamah telah dikenakan kepada pesalah yang berkenaan.

b. Statistik nilai rampasan dan kutipan denda ke atas pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

TAHUN	NILAI RAMPASAN (RM JUTA)	DENDA TERLIBAT (RM JUTA)
2012	42.05	1.59
2013	36.64	2.19
2014	38.67	5.99